

APLIKASI PANDUAN PENYUNTINGAN BUKU AGAMA TERHADAP EDITOR BAHASA MELAYU DI MALAYSIA

Khairul Anwar Zambrishah¹ and Mohamad Suhaizi Suhaimi^{2*}

^{1,2}*Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Johor*

Received 17th May 2023, Revised 8th December 2024, Accepted 27th December 2024

ABSTRAK

Tindakan para editor dalam mengaplikasikan panduan penyuntingan buku agama semasa menjalankan tugas editorial masih tidak diketahui lalu menimbulkan persoalan tentang amalan penyuntingan yang dilaksanakan oleh mereka terhadap buku agama berbahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis amalan penyuntingan yang diterapkan oleh para editor buku agama berbahasa Melayu di Malaysia. Tambahan pula, penghasilan naskhah-naskhah bacaan berkaitan ilmu agama tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dan perlu berlandaskan ajaran agama Islam yang benar mengikut al-Quran dan Hadis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan instrumen borang soal selidik berbentuk 'Google Forms' bagi mendapatkan pandangan para editor terhadap aplikasi amalan penyuntingan buku agama semasa menjalankan tugas. Seramai lapan orang editor telah dipilih masing-masing daripada dua buah syarikat penerbitan buku yang menerbitkan buku-buku berkategori agama iaitu Telaga Biru Sdn Bhd dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dapatan kajian menunjukkan majoriti bersetuju terhadap amalan penyuntingan buku agama yang perlu dipatuhi bagi menerbitkan buku-buku agama di samping mampu untuk membentuk individu yang memiliki peribadi yang baik, hubungan baik sesama manusia, dan berupaya untuk melaksanakan kerja dengan lebih teratur.

Kata Kunci: aplikasi, panduan penyuntingan buku, editor, buku agama, bahasa Melayu.

ABSTRACT

The actions of the editors in implementing the religious book editing guidelines while carrying out their editorial tasks are still unknown, giving rise to questions about the editing practices they employ on Malay-language religious books. Therefore, this study aims to identify and analyze the editing practices employed by editors of Malay-language religious books in Malaysia. Additionally, the production of religious literature must not be done arbitrarily and should be based on the true teachings of Islam according to the Quran and Hadith. This study adopts a qualitative approach, utilizing a questionnaire in the form of 'Google Forms' to gather the perspectives of editors regarding the application of editing practices in religious book editing. Eight editors were selected from two publishing companies that specialize in religious books, namely Telaga Biru Sdn Bhd and Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). The findings of the study indicate that the majority agree with the necessary editing practices for publishing religious books, as they contribute to shaping individuals with good character, fostering good interpersonal relationships, and improving work organization.

Keywords: Application, guideline of book editing, editor, religious books, Malay language.

1.0 PENGENALAN

Dalam proses menghasilkan sesebuah karya penulisan, penyuntingan merupakan bahagian yang memainkan peranan yang sangat signifikan. Hal ini demikian kerana, penyuntingan bagi sesebuah penulisan tidak kira artikel akhbar, novel, mahupun kitab-kitab ilmiah secara keseluruhannya mampu untuk membina tanggapan pembaca pada peringkat awal bacaan. Sekiranya aktiviti penyuntingan bagi sesebuah buku dilakukan dengan baik, maka ianya mampu untuk membina tanggapan yang baik terhadap pembaca serta menarik minat mereka untuk meneruskan bacaan.

Bukan sahaja pada buku-buku yang bernilai komersial, namun konsep-konsep serta gaya penyuntingan yang baik ini turut perlu diaplikasikan kepada penulisan bagi buku-buku agama di negara ini malah perlu lebih ditekankan kualitinya daripada pelbagai aspek. Hal ini demikian kerana, segala bentuk penulisan yang berkait dengan agama Islam haruslah disempurnakan dengan baik dan bukan hanya dilakukan sewenang-wenangnya. Perkara ini turut menggambarkan sifat ajaran Agama Islam itu sendiri yang mempromosikan sikap amanah, jujur serta memiliki jati diri yang teguh terhadap perkara-perkara yang dilakukan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, usaha yang dilakukan untuk memperbanyak aktiviti penyuntingan dan penerbitan buku-buku agama berbahasa Melayu wajarlah diraikan serta dihargai kerana ini membuktikan bahawa masyarakat Islam khususnya di negara ini masih memiliki inisiatif untuk terus menghayati ajaran agama Islam itu sendiri. Penghayatan terhadap agama Islam merupakan konsep yang sangat penting bagi memastikan nilai serta budaya Islam terus kekal subur di negara ini. Konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Hal ini berikutan kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian bagi seseorang individu (Zulkiple Abd Gani & Nor Salimah Abu Mansor, 2006).

Selaras dengan itu, hasrat untuk terus memperbanyak penulisan serta penerbitan agama turut dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menerapkan budaya membaca dalam kalangan umat Islam (Latifah Ariffin, 2022). Melalui usaha ini, kita mampu untuk menggalakkan sifat rajin membaca dalam kalangan umat Islam di Malaysia sekaligus meningkatkan tahap pemahaman serta penghayatan terhadap ajaran Agama Islam.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Penyuntingan buku bukanlah suatu perkara yang asing dalam bidang penerbitan sesebuah karya penulisan. Terdapat banyak kajian berkaitan bidang penyuntingan dan penerbitan buku dijalankan bagi tujuan mendalami bidang penyuntingan serta penerbitan karya penulisan tidak kira di dalam mahupun di luar negara. Antaranya seperti kajian oleh Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Siti Nor Fazira Jono (2019) yang memfokuskan tentang transformasi kualiti serta penjenamaan penerbitan bagi buku Fixi. Selain itu, kajian oleh Mohd Ashri Ismail et al (2018) membincangkan buku-buku ilmiah yang telah diterbitkan berkaitan dengan golongan istimewa dan kerelevanannya untuk diterbitkan dan dipasarkan kepada khalayak umum. Kajian oleh Anis Syahirah Abdul Syukur dan Rosnidar Ain (2022) turut membincangkan aspek penyuntingan buku hasil daripada terjemahan mesin bagi karya sastera. Namun begitu, masih tiada lagi kajian yang melihat kepada aplikasi panduan penyuntingan terhadap editor bagi buku-buku yang bersifat keagamaan. Justeru, kajian yang bersifat asing ini harus dijalankan seiring dengan perkembangan serta jumlah penghasilan buku-buku agama yang semakin bertambah. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan oleh Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Sharil Nizam Sha'ri (2021) yang menyatakan bahawa fenomena pelambakan buku agama

ini menjadi petanda bahawa ilmu agama Islam kian mendapat tempat di pasaran malah di hati para pembaca.

Selain itu, kajian terhadap penerbitan buku agama turut harus dilakukan agar ajaran tentang pemahaman agama Islam yang sebenar dan tidak menyeleweng dapat disampaikan kepada masyarakat. Walaupun penerbitan sesebuah naskhah itu bertemakan agama Islam, namun terdapat juga kandungan bagi sesebuah buku tersebut mengandungi maklumat atau ajaran berkaitan agama Islam yang tidak tepat dan sahih. Misalnya, terdapat penerbitan buku-buku agama berunsur ajaran pluralisme dan prularisme agama yang telah diterbitkan seperti *Refleksi Pembaharuan Pemikiran Islam 70 tahun Harun Nasution* (1989), *Fiqih Lintas Agama: Membangun masyarakat inklusif pluralis* (2004), *Allah, Liberty and Love* (2011), dan *Fiqh perempuan* (2001) yang telah diharamkan penerbitannya oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN). Seterusnya ialah penerbitan akhbar oleh Chandra Muzaffar (2006 dan 2014) yang dimuatkan dalam akhbar *The Star* iaitu *What pluralism means to Islam* dan *Understanding liberalism and religious pluralism* yang menyokong serta mempromosikan fahaman pluralisme agama. Oleh yang demikian, perlunya pematuhan panduan penyuntingan oleh para editor buku agama berbahasa Melayu agar masyarakat kekal menerima ajaran Islam yang tepat serta dijauhi daripada pengaruh-pengaruh segelintir pihak yang membawa ajaran yang tidak berlandaskan prinsip akidah Islam yang sebenar.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memperolehi dapatan kajian. Sebuah kajian kualitatif menggunakan pendekatan yang bersifat interpretatif. Ianya bertujuan untuk memperlihatkan maksud serta tingkah laku yang diperolehi daripada sebahagian fenomena sosial yang dialami oleh peserta kajian secara terperinci (Palmer & Bolderston, 2006). Oleh yang demikian, tingkah laku responden dalam pengaplikasian amalan penyuntingan buku agama semasa bertugas akan dikumpul, dianalisis, dan diinterpretasi bagi memperolehi dapatan kajian mengikut konteks penyuntingan buku agama.

Borang soal selidik diedarkan kepada dua buah syarikat penerbitan buku agama iaitu empat orang editor dari syarikat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan juga jumlah yang sama bagi editor Telaga Biru Sdn. Bhd. Signifikan bagi pemilihan kedua-dua syarikat penerbitan buku ini adalah dengan melihat kepada latar belakang kedua-dua syarikat yang mempunyai sejarah penerbitan buku-buku agama yang mampu dijadikan rujukan serta memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Misalnya seperti institusi bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bukan sahaja telah menerbitkan bilangan buku yang banyak, namun mempunyai wibawa yang akhirnya menjadi khazanah peradaban Melayu (Mohamad Shahril Badri Saali, 2020). Justeru, rekod yang baik dalam sejarah penerbitan buku agama menjustifikasikan penglibatan kedua-dua syarikat ini untuk dijadikan sebagai reponden bagi kajian ini.

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistic Package for Social Sciences* (SPSS). Kaedah soal selidik dijadikan sebagai sumber utama bagi kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas, maklumat, dan juga data yang diperlukan. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan bayangan yang sebenar daripada responden serta memudahkan kerja menganalisis data bagi mendapatkan hasil kajian. Bagi kaedah penganalisan data pula, kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. Iaitu bahagian A yang mengandungi ruangan bagi maklumat demografi responden, bahagian B yang melibatkan panduan penyuntingan buku agama melalui pembentukan sendiri editor, dan bahagian C iaitu mengenai panduan penyuntingan buku agama melalui pemilihan kandungan manuskrip. Soalan-soalan yang disertakan dalam borang soal selidik adalah dengan menggunakan skala likert iaitu, sangat tidak bersetuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju.


Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*). Melalui kaedah ini, pengkaji memutuskan perkara-perkara yang perlu diketahui dan mendapatkan kumpulan yang boleh memberikan maklumat berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya (Bernard, 2002). Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat menetapkan ciri tertentu yang perlu dimiliki oleh para responden, iaitu individu-individu yang bertugas dalam bidang editorial buku agama berbahasa Melayu. Kaedah ini turut bersesuaian dengan objektif bagi kajian ini, iaitu bagi mengenal pasti aplikasi panduan penyuntingan buku agama terhadap editor bahasa Melayu dan menganalisis aplikasi panduan penyuntingan buku agama terhadap editor bahasa Melayu.

4.0 PANDUAN PENYUNTINGAN BUKU AGAMA

Dalam mengambil tugas menyunting kandungan buku agama, beberapa langkah penyuntingan perlu diambil sebagai persiapan bagi mendapatkan hasil penerbitan sebuah buku agama yang baik dan rapi. Langkah-langkah ini juga merupakan perkara yang sangat penting bagi menjamin kredibiliti dan ketelusan seseorang editor buku dalam memenuhi tanggungjawab sebagai seorang editor buku. Menurut Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Sharil Nizam Sha'ri (2021), terdapat tiga panduan penyuntingan buku agama berbahasa Melayu iaitu Pembentukan Kendiri Editor, Suntingan Mekanikal, dan Penilaian Kandungan Manuskrip. Namun, kajian ini hanya memilih dua panduan sahaja iaitu Pembentukan Kendiri Editor dan Penilaian Kandungan Manuskrip sahaja.

4.1 Pembentukan Kendiri Editor

Melalui pembentukan sendiri, editor yang menguruskan bahan bacaan agama perlu untuk sentiasa menjaga kebersihan diri di samping memberikan tahap tumpuan yang tinggi serta bersifat ikhlas dalam menjalankan tugas. Konteks bersih dalam kajian ini pula memberi makna editor buku agama perlu berada dalam persekitaran yang suci serta mengenakan pemakaian yang sopan. Selain itu, sifat ikhlas dalam hati serta fokus harus dimiliki oleh seorang editor yang baik dalam menerima setiap manuskrip yang akan disunting. Walaupun hal ini dilihat seakan perkara yang remeh, namun ianya harus dipatuhi oleh para editor buku agama kerana mereka memikul amanah yang sangat berat, iaitu menguruskan bahan bacaan yang mengandungi ayat-ayat suci seperti al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W. Disiplin yang dipatuhi dalam berhadapan dengan tugas ini pastinya akan membawa kepada hasil kerja yang baik terhadap penerbitan buku-buku agama. Selain itu, seorang editor buku agama yang baik juga sentiasa menjaga hubungan yang baik dengan penerbit dan penulis buku. Dengan mematuhi perkara ini juga dapat membantu dalam melancarkan komunikasi yang diperlukan antara pihak-pihak yang terlibat dalam proses penerbitan. Tambahan pula, ianya mampu meningkatkan persefahaman antara penerbit, penulis, dan juga editor dalam berkongsi idea dalam usaha memiliki segala kriteria yang diperlukan untuk menerbitkan buku agama. Perkara ini juga mampu dapat melahirkan suasana yang sihat dan positif dalam syarikat penerbitan malah berupaya meningkatkan kualiti penghasilan buku serta industri penerbitan bahan bacaan agama.



Rajah 1. Ilustrasi pembentukan sendiri editor buku agama

4.2 Penilaian Kandungan Manuskrip

Panduan penyuntingan buku agama seterusnya yang harus dituruti oleh editor ialah dengan menilai keseluruhan kandungan manuskrip sebelum penerbitan. Melalui aspek penilaian ini, seorang editor buku yang baik akan memberi penekanan terhadap perkara-perkara penting seperti perkembangan tatabahasa Melayu dan pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan hadis berdasarkan rujukan yang sahih dalam penulisan. Meneliti setiap perkembangan tatabahasa Melayu amat penting memandangkan manuskrip yang ditangani oleh editor menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dengan terjemahan daripada bahasa asing khususnya Bahasa Arab perlu ditekankan agar setiap terjemahan ke bahasa Melayu mematuhi setiap tatabahasa Melayu mengikut perkembangannya yang terkini. Perkara sebegini boleh dilakukan dengan merujuk kepada beberapa sumber pengesahan bahasa seperti Kamus Dewan dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) bagi mendapatkan penggunaan istilah-istilah bahasa yang baharu dan dikemas kini.


Selain itu, editor buku agama perlu memberikan perhatian terhadap huraian tambahan yang dibuat oleh penulis terhadap sumber-sumber yang telah diguna pakai. Hal ini demikian kerana, setiap huraian tambahan dalam sesebuah penulisan mestilah berdasarkan sumber yang sahih. Sekiranya penulis menghuraikannya dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis, maka ayat-ayat tersebut haruslah tepat dari segi ejaan dan terjemahannya. Hadis-hadis pula perlulah memiliki status Hadis Sahih dan diambil dari sumber yang diiktiraf oleh para ilmuwan agama. Misalnya dengan merujuk kepada kitab tafsir dari para ulama-ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan kitab hadis-hadis sahih dapat menjamin kekukuhan huraian serta hujah yang disampaikan oleh penulis dalam setiap penulisan bahan-bahan bacaan agama.

5.0 DAPATAN

5.1 Bahagian A: Latar Belakang Demografi Responden


Dapatan kajian berdasarkan demografi responden adalah merangkumi aspek aspek seperti berikut:-

- 1) Jantina
- 2) Umur
- 3) Pengalaman Bekerja Sebagai Editor
- 4) Tahap pendidikan




Graf 1. Taburan Responden Mengikut Jantina

Berdasarkan Graf 1, terdapat seramai lapan orang responden (100%) yang terdiri daripada tiga orang responden lelaki iaitu sebanyak (37.5%) dan lima orang responden Wanita iaitu sebanyak (62.5%) daripada kesemua responden secara keseluruhan.




Graf 2. Taburan Responden Mengikut Umur

Graf 2 mencatatkan taburan dan analisis frekuensi dan peratusan responden mengikut umur dalam lapan orang responden kajian. Berdasarkan data yang diterima, tiga orang responden berumur di antara 21-30 tahun iaitu sebanyak (37.5%), 4 orang responden berumur di antara 31-40 tahun iaitu sebanyak (50%), dan seorang responden berumur di antara 41-50 tahun iaitu sebanyak (12.5%) secara keseluruhan.



Graf 3. Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja

Berdasarkan Graf 3, tiga orang responden mempunyai pengalaman bekerja selama kurang dari lima tahun, iaitu mewakili (37.5%), dua orang responden telah bekerja selama lebih lima tahun, iaitu sebanyak (25%), dua lagi responden telah bekerja selama lebih 10 tahun, iaitu sebanyak (25%), dan seorang responden yang telah bekerja selama lebih dari 15 tahun, iaitu sebanyak (12.5%) daripada keseluruhan responden.



Graf 4. Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Merujuk kepada Graf 4.5, enam orang responden melanjutkan pendidikan sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, iaitu mewakili sebanyak (75%), seorang responden telah melanjutkan tahap pendidikan sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana, iaitu mewakili (12.5%), dan seorang responden juga yang telah melanjutkan pendidikan sehingga ke tahap Ph.D, iaitu turut mewakili (12.5%) daripada keseluruhan responden.

5.2 Bahagian B: Analisis Dapatan Pembentukan Kendiri Editor

Pada bahagian ini, pengkaji telah menyediakan set soal selidik sebanyak lapan soalan yang perlu dijawab oleh para responden. Maka, soalan-soalan yang disediakan bagi bahagian Pembentukan Kendiri Editor adalah seperti berikut:

- 1) Saya berada dalam keadaan bersih.
- 2) Saya memberikan tumpuan dan bersifat ikhlas dalam menangani manuskrip agama yang diterima.
- 3) Saya berada dalam persekitaran yang baik serta berpakaian sopan.
- 4) Saya menyelesaikan ibadah Solat dan mengambil wuduk sebelum memulakan tugas.
- 5) Saya menyelesaikan tugas yang diberi mengikut waktu yang ditetapkan dan tidak tergesa-gesa.
- 6) Saya mempunyai hubungan yang baik dengan penulis dan penerbit buku.
- 7) Saya berusaha melancarkan komunikasi antara pihak-pihak yang terlibat dalam proses penerbitan.
- 8) Saya mematuhi kriteria-kriteria penyuntingan yang dikehendaki oleh syarikat penerbitan.

Set soalan yang disediakan kepada responden mengandungi tiga pilihan jawapan, iaitu (1) Setuju, (2) Tidak Pasti, dan (3) Tidak Bersetuju. Soalan-soalan tersebut juga perlu dijawab sepenuhnya oleh para responden.

5.2.1 Berada Dalam Keadaan Bersih

B1. Saya berada dalam keadaan bersih.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 1. Berada Dalam Keadaan Bersih

Berdasarkan Jadual 1, kesemua responden iaitu mewakili (100%) bilangan keseluruhan responden bersetuju bahawa mereka memastikan agar berada dalam keadaan yang bersih

sewaktu menjalankan tugas-tugas penyuntingan buku agama. Justeru, para responden sebulat suara beretuju bahawa memiliki persekitaran yang bersih sewaktu menjalankan tugas dapat membantu memudahkan urusan dengan mudah dan selesa. Tambahan pula, para editor ini perlu menangani bahan-bahan bacaan agama yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis. Maka, sebaiknya mereka memenuhi perkara yang menjadi tuntutan agama Islam itu sendiri, iaitu dengan menjadikan kebersihan sebagai keutamaan dalam pembentukan diri terutamanya ketika dalam tempoh menjalankan tugas-tugas editorial.

Sebagai individu beragama Islam, semua perkara yang dilakukan sekiranya diniatkan ikhlas kerana Allah S.W.T akan dikira sebagai sebuah ibadah. Maka apabila melakukan ibadah, adalah digalakkan bagi setiap muslim untuk mamatuhi tuntutan agama dengan memastikan kebersihan diri seperti mana melakukan ibadah-ibadah yang lain seperti sembahyang, membaca al-Quran, dan juga ibadah-ibadah yang lain.

5.2.2 Memberikan Tumpuan Serta Bersifat Ikhlas

B2. Saya memberikan tumpuan dan bersifat ikhlas dalam menangani manuskrip agama yang diterima.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 1. Memberikan Tumpuan Serta Bersifat Ikhlas

Jadual 2 mencatatkan peratusan penuh responden (100%) bersetuju bahawa mereka memberikan tumpuan dan bersikap ikhlas dalam menangani manuskrip agama yang diterima. Fokus merupakan perkara yang sangat penting dalam melaksanakan tugas, bahkan ianya menjadi lebih penting sekiranya tugas tersebut melibatkan perkara-perkara bersifat teknikal seperti kerja-kerja penyuntingan buku. Maka, seorang editor buku perlu memberikan sepenuh perhatian semasa menjalankan tugas bagi mendapatkan hasil penyuntingan buku yang baik. Dengan memberikan tumpuan serta tahap fokus yang mencukupi, ianya juga dapat mengelakkan daripada berlaku kecuai dan kesilapan semasa menjalankan tugas.

Secara umumnya, tugas editorial dijangka untuk mendapatkan hasil kerja yang sempurna daripada kesalahan-kesalahan teknikal seperti ejaan, penggunaan format, dan gaya penyampaian mesej yang baik dalam penulisan. Hal ini demikian kerana, setiap bahan bacaan yang telah selesai menjalani proses penyuntingan kemudiannya akan diterbitkan dan seterusnya dapat diakses dan dibeli oleh orang awam. Justeru, kerja-kerja penyuntingan ini bukanlah satu perkara yang mudah dilakukan. Maka, perkara ini menguatkan lagi tanggapan terhadap perlunya tumpuan yang baik semasa menjalankan tugas sebagai salah satu langkah pembentukan sendiri bagi seorang editor yang baik. Editor buku yang baik juga pastinya akan menjalankan tugasnya dengan sepenuh hati dan bersifat ikhlas. Apabila setiap gerak kerja dijalankan dengan keikhlasan serta niat yang baik, sudah pastinya editor tersebut akan berusaha bagi mendapatkan hasil kerja yang terbaik dalam proses penerbitan sesebuah buku.

5.2.3 Persekitaran yang Baik dan berpakaian Sopan

B3. Saya berada dalam persekitaran yang baik serta berpakaian sopan.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 3. Persekitaran yang Baik dan berpakaian Sopan

Jadual 3 mencatatkan kesemua lapan responden iaitu mewakili peratusan sebanyak (100%) bersetuju bahawa mereka berada dalam persekitaran yang baik serta berpakaian sopan ketika bertugas. Hal ini bermakna, kesemua responden menyedari akan kepentingan untuk berada dalam persekitaran yang baik dan menjaga pemakaian ketika di tempat kerja. Hal ini demikian kerana, memiliki persekitaran yang baik dapat membantu untuk meningkatkan produktiviti kerja serta membawa kepada hasil kerja yang berkualiti. Melalui konteks ini, persekitaran yang baik juga bermaksud mempunyai ruang kerja yang selesa, bersih, memiliki rakan-rakan sekerja yang baik dan sentiasa saling membantu antara satu sama lain.

Dalam aspek pemakaian pula, memilih pakaian yang sopan sewaktu bekerja mencerminkan peribadi seseorang individu. Tambahan pula, ianya merupakan satu tuntutan agama untuk sentiasa mengenakan pakaian yang menutup aurat dan mengutamakan nilai kesopanan dalam berpakaian. Selain itu, pakaian yang sopan juga melambangkan kepatuhan seseorang editor terhadap etika berpakaian semasa bekerja dan mampu untuk membentuk nilai disiplin dan hormat terhadap tanggungjawab sebagai editor buku.

5.2.4 Menyelesaikan Ibadah Solat dan Mengambil Wuduk Sebelum Bertugas

B4. Saya menyelesaikan ibadah Solat dan mengambil wuduk sebelum memulakan tugas.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	3	37.5	37.5	37.5
	Tidak Pasti	4	50.0	50.0	87.5
	Tidak Bersetuju	1	12.5	12.5	100.0
	Total	8	100.0	100.0	

Jadual 4. Menyelesaikan Solat dan Mengambil Wuduk Sebelum Bertugas

Jadual 4 mencatatkan bahawa seramai tiga orang responden iaitu mewakili (37.5%) bersetuju bahawa mereka menyelesaikan ibadah solat dan mengambil wuduk sebelum memulakan tugas mereka. Hal ini demikian kerana, mereka menyedari akan kelebihan menyelesaikan ibadah solat dapat memudahkan kerja mereka di kemudian waktu tanpa perlu berhenti di pertengahan waktu kerja. Memastikan diri sentiasa dalam keadaan berwuduk juga dapat memudahkan mereka untuk terus menunaikan ibadah solat apabila masuk waktu solat fardu yang seterusnya. Tambahan pula, berwuduk dapat membolehkan editor untuk memegang naskhah al-Quran sekiranya terdapat keperluan untuk merujuknya ketika bekerja. Bagi respon ‘Tidak Pasti’, (50%) iaitu sebanyak 4 orang responden memilih untuk berpendirian sedemikian. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana terdapat kemungkinan sesetengah editor memilih untuk memulakan tugas sebelum tibanya waktu solat fardu. Seterusnya, seorang responden iaitu mewakili (12.5%) peratusan responden memilih untuk ‘Tidak Bersetuju’ terhadap amalan sendiri ini. Perkara ini turut difahami kerana setiap individu mempunyai pilihan yang tersendiri dalam menguruskan waktu dalam menyelesaikan tugas serta ibadah solat mereka.

5.2.5 Mengikut Waktu dan Tidak Tergesa-gesa

B5. Saya menyelesaikan tugas yang diberi mengikut waktu yang ditetapkan dan tidak tergesa-gesa.

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Cumulative Percent
Valid	Setuju	6	75.0	75.0	75.0
	Tidak Pasti	2	25.0	25.0	100.0
	Total	8	100.0	100.0	

Jadual 5. Mengikut Waktu dan Tidak Tergesa-gesa.

Jadual 5 merekodkan seramai enam orang responden iaitu mewakili (75%) bersetuju bahawa mereka menyiapkan tugas mengikut waktu yang ditetapkan dan tidak tergesa-gesa. Perkara ini dilihat sebagai satu amalan yang baik kerana ianya dapat melancarkan urusan syarikat penerbitan untuk menerbitkan sesebuah buku tersebut. Tambahan pula, menyiapkan tugas dengan tenang dan tidak tergesa-gesa juga dapat membantu editor menjaga mutu penyuntingan dan mengelakkan apa-apa kesilapan teknikal daripada berlaku.

Bagi jawapan 'Tidak Pasti' pula, dua orang responden iaitu mewakili peratusan sebanyak (25%) telah memberi respon sedemikian. Perkara ini dapat difahami kerana terdapat kemungkinan berlaku sesuatu yang memerlukan masa tambahan seperti naskhah bacaan yang panjang, kekurangan petugas, dan juga beberapa kemungkinan yang lain.

5.2.6 Mempunyai Hubungan yang Baik Dengan Penulis dan Penerbit Buku

B6. Saya mempunyai hubungan yang baik dengan penulis dan penerbit buku.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 6. Mempunyai Hubungan yang Baik dengan Penulis dan Penerbit Buku

Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa (100%) responden bersetuju bahawa mereka mempunyai hubungan yang baik dengan penulis dan penerbit buku. Perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang sangat wajar dilakukan. Hal ini demikian kerana, segala idea berkenaan isi kandungan sesebuah buku adalah milik penulis itu sendiri. Penulis-penulis buku juga kebiasaannya dikenali sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan yang luas terhadap bidang yang diceburinya untuk penulisan. Maka, editor harus menghormati serta memelihara hubungan yang baik antara mereka. Tambahan pula, memiliki hubungan yang baik dengan penulis dan penerbit buku juga dapat meningkatkan persefahaman antara satu sama lain tentang cara sesebuah buku itu ingin diterbitkan.

5.2.7 Melancarkan Komunikasi Antara Pihak-pihak yang Terlibat

B7. Saya berusaha melancarkan komunikasi antara pihak-pihak yang terlibat dalam proses penerbitan.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 7. Melancarkan Komunikasi Antara Pihak-pihak Yang Terlibat

Jadual 7 menunjukkan peratusan 'Setuju' secara penuh bahawa para responden berusaha melancarkan komunikasi antara pihak-pihak yang terlibat dalam proses penerbitan. Perkara ini sememangnya merupakan tanggungjawab bagi seorang editor agar proses penerbitan itu dapat dijalankan dengan lancar. Dengan memastikan komunikasi sentiasa berada dalam keadaan yang baik, ianya dapat menjalinkan kerjasama antara semua pihak yang terlibat serta mempermudah proses penerbitan bagi sesebuah buku.

5.2.8 Mematuhi Kriteria-kriteria Penyuntingan

B8. Saya mematuhi kriteria-kriteria penyuntingan yang dikehendaki oleh syarikat penerbitan.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 8. Mematuhi Kriteria-kriteria Penyuntingan

Bagi bahagian ini, kesemua responden turut bersetuju bahawa mereka mematuhi kriteria-kriteria penyuntingan yang dikehendaki oleh syarikat penerbitan. Sebagai editor buku yang baik, setiap gerak kerja harus dilakukan seiring dengan bentuk serta gaya yang diinginkan oleh penerbit. Dengan mematuhi kriteria yang dikehendaki oleh syarikat penerbitan juga dapat mengekalkan identiti penyampaian penulisan bagi sesebuah syarikat tersebut. Kriteria-kriteria tersebut wajar dipenuhi bagi mengekalkan nilai komersial serta kbolehpasaran sesebuah buku yang diterbitkan.

5.3 Bahagian C: Analisis Dapatan Penilaian Kandungan Manuskrip

Dalam bahagian ini, set soal selidik sebanyak lapan soalan telah disediakan oleh pengkaji yang perlu dijawab oleh para responden. Maka, soalan-soalan yang disediakan bagi bahagian Penilaian Kandungan Manuskrip adalah seperti berikut:

- 1) Saya cakna akan perkembangan tatabahasa Melayu
- 2) Saya membuat pentafsiran ayat al-Quran dan Hadis mengikut sumber rujukan yang sahih.
- 3) Saya merujuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dan Kamus Dewan untuk pengesahan ejaan serta istilah-istilah terkini.
- 4) Saya merujuk kepada pakar Bahasa Melayu sekiranya terdapat kekeliruan dalam penggunaan istilah-istilah asing.
- 5) Saya merujuk kepada pakar ilmu al-Quran dan Hadis untuk pengesahan penggunaan dalil dalam penulisan.
- 6) Saya bertanyakan semula kepada penulis akan kesahihan sumber yang diambil.
- 7) Saya mengasingkan setiap petikan ayat al-Quran dan Hadis serta tafsiran dalam perenggan yang baharu untuk mengelakkan kekeliruan pembaca.
- 8) Saya mengutamakan penyuntingan untuk kemudahan pembaca dalam menelaah setiap bahan bacaan dengan jelas.

Set soalan yang disediakan kepada responden mengandungi tiga pilihan jawapan, iaitu (1) Setuju, (2) Tidak Pasti, dan (3) Tidak Bersetuju. Soalan-soalan tersebut juga perlu dijawab sepenuhnya oleh para responden.

5.3.1 Cakna Akan Perkembangan Tatabahasa Melayu

C1. Saya cakna akan perkembangan tatabahasa Melayu

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 9. Cakna akan Perkembangan Tatabahasa Melayu

Berdasarkan Jadual 9, kesemua responden memilih untuk bersetuju bahawa mereka sentiasa cakna akan perkembangan tatabahasa Melayu. Perkara ini merupakan sesuatu yang telah

dijangka kerana seorang editor berbahasa Melayu memiliki tanggungjawab dengan memastikan penulisan yang telah dibuat sentiasa mematuhi tatabahasa serta penggunaan Bahasa yang betul. Oleh yang demikian, dengan mengambil tahu akan perkembangan tatabahasa Melayu dapat menjamin penulisan yang baik bagi setiap buku yang diterbitkan oleh syarikat penerbitan. Organisasi-organisasi Bahasa di Malaysia seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) boleh dijadikan rujukan oleh para editor bagi mengikuti perkembangan tatabahasa Melayu yang terkini.

5.3.2 Membuat Pentafsiran Ayat al-Quran dan Hadis

C2. Saya membuat pentafsiran ayat al-Quran dan Hadis mengikut sumber rujukan yang sah.

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 10. Pentafsiran Ayat al-Quran dan Hadis Mengikut Sumber Sahih

Jadual 10 mencatatkan peratusan penuh responden sebanyak (100%) bersetuju bahawa mereka melakukan pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan Hadis dengan menurut sumber rujukan yang sah. Perkara ini dilihat sebagai satu perkara yang sangat baik. Hal ini demikian kerana dalam setiap usaha penerbitan buku agama, perkara yang harus diberi keutamaan ialah kebenaran dalam setiap mesej yang dibawa dalam penulisan sesebuah buku. Kebiasaannya, para penulis akan menyokong hujah mereka dengan menyatakan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis. Maka, tugas editor dalam menangani hal ini ialah dengan menyemak semula hujah-hujah tersebut melalui sumber-sumber yang benar dan diyakini.

Bukan sahaja ayat-ayat al-Quran dan Hadis, malah unsur-unsur penceritaan seperti kisah para sahabat serta tokoh-tokoh Islam yang terdahulu juga harus diberi perhatian dengan memastikan setiap kisah yang disertakan mempunyai sumber rujukan yang jelas dan benar.

5.3.3 Merujuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dan Kamus Dewan untuk Pengesahan Ejaan Serta Istilah-istilah

C3. Saya merujuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dan Kamus Dewan untuk pengesahan ejaan serta istilah-istilah

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 11. Merujuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)

Jadual 11 memaparkan peratusan penuh responden bersetuju bahawa mereka merujuk laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) untuk pengesahan ejaan serta istilah-istilah dalam penulisan. Perkara ini dilihat sebagai satu Tindakan yang positif kerana laman PRPM dapat memberi maklumat yang tepat terhadap ejaan serta makna bagi istilah-istilah Melayu. Bukan itu sahaja, malah PRPM dapat membantu memberikan makna bagi istilah-istilah daripada Bahasa Inggeris serta mempunyai bahagian 'Khidmat Nasihat' yang memberi penerangan tentang cara menggunakan sesuatu istilah dengan ejaan yang tepat serta kesesuaiannya. Perkara ini dapat memudahkan urusan para editor kerana laman ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja pada bila-bila masa.

5.3.4 Merujuk Kepada Pakar Bahasa Melayu

C4. Saya merujuk kepada pakar Bahasa Melayu sekiranya terdapat kekeliruan dalam penggunaan istilah-istilah asing.

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 12. Merujuk Kepada Pakar Bahasa Melayu

Berdasarkan Jadual 12, sebanyak (100%) bilangan responden memilih untuk bersetuju terhadap pernyataan bahawa mereka merujuk kepada pakar Bahasa Melayu sekiranya mereka mengalami kekeliruan dalam penggunaan istilah-istilah asing. Hal ini dapat difahami kerana penulisan buku kebiasaannya merangkumi penggunaan istilah-istilah daripada bahasa asing seperti Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Sebahagian istilah-istilah tersebut terdapat terjemahan atau definisinya yang khusus dalam Bahasa Melayu. Namun, sebahagiannya juga tidak mempunyai terjemahan secara langsung lalu boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Oleh yang demikian, tindakan merujuk kepada pakar bahasa adalah sesuatu yang wajar dilakukan oleh editor buku bagi memastikan setiap penggunaan kata dalam penulisan adalah tepat dan mematuhi peratusan bahasa dalam penulisan.

5.3.5 Merujuk Kepada Pakar Ilmu al-Quran dan Hadis

C5. Saya merujuk kepada pakar ilmu al-Quran dan Hadis untuk pengesahan penggunaan dalil dalam penulisan.

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 13. Merujuk Pakar al-Quran dan Hadis

Jadual 13 mencatatkan peratusan penuh responden bersetuju bahawa mereka merujuk kepada pakar ilmu al-Quran dan Hadis bagi mendapatkan pengesahan penggunaan dalil dalam penulisan. Hal ini demikian kerana, setiap dalil yang digunakan dalam penulisan perlu jelas kesahihannya serta menepati konteks yang diperbincangkan dalam penulisan. Golongan pakar bidang al-Quran dan Hadis pastinya lebih mengetahui tentang segala intipati ayat-ayat al-Quran dan hadis yang digunakan serta kesesuaiannya untuk disertakan dalam sesebuah penulisan. Justeru, rujukan terhadap mereka bagi tujuan pengesahan adalah digalakkan bagi menjamin sebuah penulisan agama yang benar lagi diyakini.

5.3.6 Bertanya Semula Kepada Penulis Akan Kesahihan Sumber yang Diambil

C6. Saya bertanyakan semula kepada penulis akan kesahihan sumber yang diambil.

		Frekuensi	peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	7	87.5	87.5	87.5
	Tidak Pasti	1	12.5	12.5	100.0
	Total	8	100.0	100.0	

Jadual 14. Bertanyakan Tentang Sumber yang Diambil

Jadual 14 mencatatkan peratusan sebanyak (87.5%) responden bersetuju bahawa mereka bertanyakan semula kepada penulis akan kesahihan sumber yang diambil. Perkara ini

merupakan sesuatu yang positif kerana meskipun mengetahui bahawa golongan penulis buku agama kebanyakannya terdiri daripada golongan yang berilmu, namun tidak menjadi masalah sekiranya para editor bertanyakan semula berkenaan kesahihan kepada mereka sebagai langkah berhati-hati dalam peraturan penulisan. Manakala seorang responden mewakili (12.5%) responden memilih jawapan ‘Tidak Pasti’ bagi pernyataan diatas. Perkara ini turut dapat difahami kerana golongan editor pastinya yakin akan kredibiliti serta tauliah yang dimiliki oleh para penulis buku dalam menyertakan sumber-sumber berkaitan hal agama dalam penulisan mereka.

5.3.7 Mengasingkan Setiap Petikan Ayat al-Quran dan Hadis Serta Tafsiran dalam Perenggan yang Baharu untuk Mengelakkan Kekeliruan

C7. Saya mengasingkan setiap petikan ayat al-Quran dan Hadis serta tafsiran dalam perenggan yang baharu untuk mengelakkan

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 15. Mengasingkan Setiap Petikan Ayat al-Quran dan Hadis Serta Tafsiran Dalam Perenggan yang Baharu

Berdasarkan Jadual 15, sebanyak (100%) responden bersetuju bahawa mereka mengasingkan setiap petikan ayat al-Quran dan Hadis serta tafsirannya dalam perenggan yang baharu bagi mengelakkan kekeliruan pembaca. Hal ini demikian kerana, penyampaian maklumat dengan kemas dan teratur dalam penulisan adalah sesuatu perkara yang sangat penting dalam komunikasi satu hala bagi tujuan kefahaman pembaca dalam setiap mesej yang ingin disampaikan. Dengan mengasingkan petikan ayat al-Quran dan Hadis serta terjemahannya dalam perenggan yang baharu, ianya membolehkan pembaca untuk membezakan antara teks terjemahan dalil dan hujahan umum. Tambahan pula, dalil-dalil ditulis menggunakan tulisan jawi. Maka, pengasingan dalam perenggan yang baharu menjadikan turutan penulisan lebih kemas malah lebih mudah untuk difahami oleh pembaca.

5.3.8 Mengutamakan Penyuntingan untuk Kemudahan Pembaca dalam Menelaah Setiap Bahan Bacaan dengan Jelas

C8. Saya mengutamakan penyuntingan untuk kemudahan pembaca dalam menelaah setiap bahan bacaan dengan jelas.

		Frekuensi	Peratus	Peratus 'Valid'	Peratus Kumulatif
Valid	Setuju	8	100.0	100.0	100.0

Jadual 16. Mengutamakan Penyuntingan untuk Kemudahan Pembaca

Jadual 16 menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa mereka mengutamakan penyuntingan buku bagi memudahkan pembaca menelaah setiap bahan bacaan dengan jelas. Usaha yang dilakukan oleh para editor ini merupakan perkara yang sangat baik. Hal ini demikian kerana dalam usaha penerbitan buku, matlamat utama ialah bagi memastikan pembaca berpuas hati terhadap buku-buku yang telah mereka perolehi. Oleh itu, kemudahan pembaca dalam menerokai penulisan buku harus diberi keutamaan agar pembaca akan terus berminat untuk meneruskan bacaan serta mendapatkan buku-buku yang lain daripada syarikat penerbitan yang sama.

6.0 KESIMPULAN

Kajian berkaitan amalan penyuntingan buku khususnya buku-buku agama masih berada di peringkat awal. Oleh itu, adalah menjadi satu cabaran kepada para pengkaji bagi menelusuri bidang-bidang yang masih masih belum menjadi kebiasaan seperti amalan penyuntingan buku agama ini. Namun begitu, usaha yang baik ini wajar diteruskan agar para pengamal bahasa dapat memahami serta mendapatkan maklumat tentang langkah-langkah serta prosedur yang diambil dalam dunia penerbitan buku. Bukan itu sahaja, dengan menjalankan kajian-kajian seperti ini juga dapat memberi gambaran tentang bagaimana pematuhan kriteria-kriteria yang diperlukan dalam menyempurnakan sesuatu tugas dapat membawa kepada hasil yang baik dari segi pemantapan peribadi, persekitaran yang sihat, hubungan yang baik sesama manusia, serta mutu kerja yang terjamin kebaikan dan kualitinya.

RUJUKAN

- Abd. Ghani Zulkiple & Nor Salimah Abu Mansor (August, 2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. In: *National Student Development Conference (NASDEC)*.
- Anis Shahirah Abdul Sukur dan Rosnidar Ain. (2022). Isu-Isu Penyuntingan Terjemahan Mesin Dalam Karya Sastera Terpilih. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(1), 17–38.
- Bernard, H.R. (2002). *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Methods*. (3rd edition). AltaMira Press.
- Latifah Arifin (2022). JAKIM mahu banyak buku genre Islam semua peringkat umur. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/962907/jakim-mahu-perbanyak-buku-genre-islam-semua-peringkat-umur>
- Mohamad Shahril Badri Saali (2020). Karya Wibawa, Berkualiti Angkat Sumbangan DBP. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/06/703182/karya-wibawa-berkualiti-angkat-sumbangan-dbp>
- Mohamad Suhaizi Suhaimi & Sharil Nizam Sha'ri. (2021). Pendekatan Komunikasi dalam Penyuntingan Buku Agama Berbahasa Melayu. UPM Press.
- Mohd Ashri Ismail et al. (2018). Buku Ilmiah untuk Golongan Istimewa: Kajian Kes di Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor, *Jurnal Sains Sosial*, 3(1), 59-66.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Siti Nor Fazira Jono. (2019). Transformasi Strategi Kualiti dan Penjenamaan Penerbitan: Satu Kajian Terhadap Buku Fixi. *e-Academia Journal*, 8(10), 55-76.
- Palmer, C., & Bolderston, A. (2006). A Brief Introduction to Qualitative Research. *Canadian Journal of Medical Radiation Technology*, 37(1), 16–19.